

Kad Visa Infinite UOB Terma dan Syarat

Berkuat Kuasa 1 Januari 2021

Umum

Terma dan Syarat ini ("Terma dan Syarat") akan digunakan untuk Kad Visa Infinite dan Privilege Banking Visa Infinite ("Visa Infinite") United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) ("UOB") yang dikeluarkan oleh UOB kepada Pemegang Kad Visa Infinite dan Privilege Banking Visa Infinite UOB ("Ahli Kad").

Terma dan Syarat ini harus dibaca bersama dengan Perjanjian Ahli Kad UOB Visa/ Mastercard ("Perjanjian Ahli Kad").

Untuk mengelakkan keraguan, "Ahli Kad" bermaksud kedua-dua pemegang kad utama dan tambahan Visa Infinite.

Kecuali ditakrifkan secara berlain dalam Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Terma dan Syarat ini akan mempunyai makna yang sama seperti dalam Perjanjian Ahli Kad.

UOB berhak menentukan setiap perkara berkaitan dengan pemberian dan/atau penggunaan sebarang atau kesemua manfaat dan keistimewaan yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini. Keputusan UOB adalah muktamad dan akan dipatuhi oleh Pemegang Kad. Manfaat dan keistimewaan yang dihuraikan di bawah mungkin akan dipinda, ditambah atau dibatalkan oleh UOB pada bila-bila masa dengan notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad.

Program Ganjaran Kad Visa Infinite UOB ("Program Ganjaran")

1. Ganjaran-ganjaran berikut dianugerahkan di bawah Kad Visa Infinite UOB ("Program Ganjaran"):

(A) Servis Airport Limousine Ride Tanpa Caj ("Servis Airport Limo")

- (a) Servis *Airport Limo* adalah sah dari 1 Januari sehingga 31 Disember 2021 (termasuk kedua-dua tarikh) ("Tempoh Kempen"). Tempoh tempahan adalah sah dari 1 Januari sehingga 24 Disember 2021 dan tempoh perjalanan adalah sah dari 1 Januari sehingga 31 Disember 2021.
- (b) Ahli Kad mesti memenuhi perbelanjaan minimum Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) yang termasuk transaksi dalam syarikat penerbangan, hotel, dan/atau agensi pelancongan seperti dalam Jadual A, kecuali bagi perkara yang dinyatakan dalam Klausula 2 di bawah ("Perbelanjaan Layak"), dalam satu atau kumulatif transaksi untuk layak menebus SATU (1) Servis *Airport Limo* ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) atau Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 ("KLIA 2").

Jadual A

Kategori Perbelanjaan	Kod Kategori Pedagang	Penerangan
Syarikat Penerbangan	3000-3301	Pelbagai nama syarikat penerbangan
Hotel	3501-3836	Pelbagai nama penyedia penginapan
Agensi Pelancongan	4722 7011	Agensi Pelancongan dan Pengendali Pelancongan Penginapan - Hotel, Motel, Resort, Perkhidmatan Tempahan Sentral

- (c) Tempahan Servis *Airport Limo* mesti dibuat dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh transaksi Perbelanjaan Layak yang direkodkan dalam sistem kad kredit UOB ("Tempoh Kelayakan"). Sekiranya Perbelanjaan Layak dibuat daripada transaksi kumulatif, Tempoh Kelayakan adalah sah daripada tarikh transaksi yang pertama (TETAPI bukan tarikh transaksi yang terakhir) dalam transaksi kumulatif. Untuk mengelakkan keraguan, setiap penebusan Servis *Airport Limo* berhak kepada **Satu (1)** Servis *Airport Limo*, tanpa mengira jumlah Perbelanjaan Layak.

Senario:

Perbelanjaan Kelayakan Ahli Kad A sebanyak RM10,200 dibuat daripada 3 transaksi kumulatif pada tarikh-tarikh berikut, seperti yang ditunjukkan dalam jadual A:

Jadual B

Tarikh	Amaun Perbelanjaan Layak (RM)
5 Mac 2021	2,400
15 Mac 2021	2,300
20 Mac 2021	5,500
Jumlah	10,200

Tempoh Kelayakan akan bermula pada 5 Mac 2021, di mana permintaan tempahan Servis *Airport Limo* untuk satu (1) Servis *Airport Limo* mesti dibuat selewat-lewatnya pada 4 April 2021, dalam minimum 3 hari perniagaan sebelum tarikh perjalanan seperti yang dinyatakan dalam sub Klausa (A)(f) di bawah.

- (d) Servis *Airport Limo* dihadkan pada **Empat Ribu (4,000) penebusan** sepanjang Tempoh Kempen, dan **maksimum empat (4) penebusan** Servis *Airport Limo* per Ahli Kad yang telah membuat Perbelanjaan Kelayakan pada asas siapa-cepat-dia-dapat ("Kuota"). UOB **tidak mempunyai kewajipan** untuk memberitahu mana-mana Ahli Kad apabila Kuota telah dipenuhi.
- (e) Airport Limo Ride yang disebut dalam sub Klausa 1 (A)(c) dan (d) di atas tidak berkumulatif. Sebarang Servis *Airport Limo* yang tidak ditebus dan/ atau digunakan dalam tahun kalendar sebelumnya akan dilucuthakkan dan tidak akan dibawa hadapan ke tahun kalendar yang berikutnya.
- (f) Untuk menebus Servis *Airport Limo*, Ahli Kad perlu menghubungi **UOB Visa Infinite Concierge** pada +603 2612 3399 atau UOBcustomerservice@UOB.com.my dan untuk memberikan butiran berikut. **Sekurang-kurangnya 3 hari perniagaan sebelum tarikh perjalanan** diperlukan untuk tempahan Servis *Airport Limo* dan ia tertakluk kepada ketersediaan. Hari perniagaan bermaksud Isnin hingga Jumaat, jam 0900 jam hingga 1700 jam yang mengecualikan hujung minggu, cuti umum atau cuti negeri.
- (i) Nama, Nombor Telefon dan Alamat Emel Ahli Kad
 - (ii) Lokasi Lapangan Terbang (KLIA atau KLIA 2)
 - (iii) Alamat dan Masa Pengambilan
 - (iv) Nombor Penerbangan
 - (v) Bilangan Penumpang
 - (vi) Bilangan Bagasi

Selepas pengesahan ketersediaan Servis *Airport Limo*, Pembekal Perkhidmatan (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 6) akan menghantar surat pengesahan ("Surat Pengesahan") kepada Ahli Kad melalui e-mel seperti butiran yang diberikan dalam sub Klausa 1 (A)(f).

- (g) Surat Pengesahan mesti dibentangkan kepada pemandu pada masa ketibaan di alamat Ahli Kad. Surat Pengesahan tidak sah jika rosak, dimutilasi atau diubah dan tidak boleh diganti.
- (h) Servis *Airport Limo* boleh menampung seramai EMPAT (4) penumpang sahaja. Bilangan bagasi yang dibenarkan tertakluk kepada keupayaan ruang bagasi kenderaan Servis *Airport Limo*.
- (i) Servis *Airport Limo* boleh digunakan untuk lokasi di Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Shah Alam dan Putrajaya ("Lokasi Tertentu") yang terhad kepada SATU (1) tempat pengambilan sepanjang perjalanan ke KLIA atau KLIA 2. Untuk mengelakkan keraguan, lokasi yang tidak termasuk dalam Lokasi Tertentu akan dikenakan surcaj, seperti yang dinyatakan dalam sub-Klausu 1 (A)(j) di bawah.
- (j) UOB tidak akan bertanggungjawab untuk membayar atau membayar pampasan kepada mana-mana Ahli Kad untuk sebarang surcaj tambahan yang timbul daripada Servis *Airport Limo* seperti yang dinyatakan dalam Jadual C di bawah.

Jadual C

Perkara	Surcaj(RM)
Lokasi yang tidak termasuk dalam Lokasi Tertentu Contoh (tetapi tidak terhad kepada): Rawang, Klang, Setia Alam, Semenyih, Port Klang, dan sebagainya	75.00
Naik taraf ke van Toyota Hiace	60.00
Pengambilan Tengah Malam (0000 jam to 0600 jam)	85.00
Setiap kerusi kanak-kanak (untuk kanak-kanak di bawah 135cm)	50.00
Penumpang tambahan (melebihi maksimum 4 penumpang per Servis <i>Airport Limo</i>)	60.00
Tempat pengambilan tambahan dan/atau sisihan laluan dalam dan/atau di luar Lokasi Tertentu	Ditentukan oleh Pembekal Perkhidmatan
Waktu menunggu melebihi 15 minit	60.00
Naik taraf ke kenderaan premium	Ditentukan oleh pembekal perkhidmatan
Pembatalan dalam masa kurang daripada 24 jam dari <i>Airport Limo Ride</i> yang dijadualkan	180.00

(B) Akses *Airport Lounge* Tanpa Caj ("Akses *Airport Lounge*")

- (a) Akses *Airport Lounge* adalah sah dari 1 Januari sehingga 31 Disember 2021 (termasuk kedua-dua tarikh).
- (b) Untuk menikmati Akses *Airport Lounge*, semua Ahli Kad utama mesti memuat turun aplikasi mudah alih "*Airport Companion by Dragon Pass*" yang boleh didapati di App Store (iOS) atau Google Play. Rujuk kepada www.uob.com.my > Kad > Kad Visa Infinite UOB > Akses *Airport Lounge* untuk panduan langkah demi langkah berkenaan muat turun, dan pendaftaran akaun.

- (c) Ahli Kad Utama berhak mendapat akses berikut, seperti yang dinyatakan dalam Jadual C di bawah.

Jadual C

Jenis Kad	Bilangan Akses Airport Lounge	Lokasi Airport Lounge
Privilege Banking Visa Infinite	6 setiap tahun kalendar. Pada akses ketujuh dan seterusnya ke <i>Airport Lounge</i> , Ahli Kad utama akan membayar yuran akses pada kadar terbitan <i>Airport Lounge</i> masing-masing;	Antarabangsa. Rujuk kepada senarai lokasi dalam aplikasi mudah alih <i>Airport Companion by Dragon Pass</i> .
Visa Infinite	4 setiap tahun kalendar. Pada akses kelima dan seterusnya ke <i>Airport Lounge</i> , Ahli Kad utama akan membayar yuran akses pada kadar terbitan <i>Airport Lounge</i> masing-masing;	Asia Pasifik. Rujuk kepada senarai lokasi dalam aplikasi mudah alih <i>Airport Companion by Dragon Pass</i> .

- (d) Akses *Airport Lounge* tanpa caj yang disebut dalam sub Klausa 1 (B)(c) di atas tidak berkumulatif. Sebarang akses tanpa caj yang tidak digunakan dalam tahun kalendar sebelumnya akan dilucuthakkan dan tidak akan dibawa hadapan ke tahun kalendar yang berikutnya;
- (e) Ahli Kad tambahan dan tetamu yang mengiringi Ahli Kad utama **tidak layak** untuk Akses *Airport Lounge*. Mereka akan membayar yuran akses pada kadar terbitan *Airport Lounge* masing-masing;
- (f) Pada masa akses ke *Airport Lounge*, Akaun Ahli Kad Visa Infinite UOB mestilah sah, semasa, wujud dan dalam kedudukan kredit yang baik sebagaimana yang ditentukan oleh UOB dan tidak melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini dan terma dan syarat Perjanjian Ahli Kad.
- (g) Akses *Airport Lounge* tidak boleh dipindah milik kepada pihak lain dan tidak boleh ditukar dengan barangan lain atau wang.
- (h) Apabila mendaftar untuk akaun member *Airport Companion by Dragon Pass*, Ahli Kad dianggap telah menerima Terma dan Syarat Standard *Airport Companion by Dragon Pass* (yang merangkumi Syarat Perkhidmatan, Terma Penggunaan dan Dasar Privasi yang boleh diakses pada www.dragonpass.com), yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa.

(C) Mata Ganjaran UNIRinggit (“Mata UNIRM”)

- (a) Tertakluk kepada Klausa 2 dan Terma dan Syarat ini, semua transaksi perbelanjaan mesti direkodkan oleh sistem kad kredit yang dikekalkan oleh UOB agar mendapat Mata UNIRM.
- (b) Mata UNIRM yang dikumpulkan oleh kedua-dua Ahli Kad utama dan tambahan akan dikreditkan ke Akaun Kad Visa Infinite UOB Ahli Kad utama dan akan ditunjukkan dalam Penyata Akaun bulanan utama Ahli Kad.
- (c) Sekiranya sistem yang menyokong proses automatik ini tidak tersedia, Mata UNIRM yang diperolehi akan dikreditkan secara manual dan ditunjukkan dalam Penyata Akaun Ahli Kad utama pada bulan berikutnya.

- (d) Pada masa pemberian UNIRM, Akaun Kad Visa Infinite UOB Ahli Kad mesti sah, semasa, wujud dan dalam kedudukan kredit yang baik sebagaimana yang ditentukan oleh UOB dan tidak melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini dan terma dan syarat Perjanjian Ahli Kad.
- (e) Sebarang Mata UNIRM yang terkumpul termasuk Mata Ganjaran UNIRM yang belum dikreditkan ke Akaun Kad Visa Infinite UOB Ahli Kad utama tidak sah serta-merta apabila mana-mana yang berikut berlaku:
 - (i) Sebarang pembatalan Kad Visa Infinite UOB;
 - (ii) Sebarang penukaran daripada Kad Visa Infinite UOB kepada mana-mana Kad Kredit UOB yang lain; atau
 - (iii) Akaun Kad Visa Infinite UOB menjadi tertunggak sebagaimana yang ditentukan oleh UOB.
- (f) Mata Ganjaran UNIRM yang diperoleh oleh Ahli Kad utama dan tambahan tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak lain dan tidak boleh ditukar untuk barangan lain atau wang.
- (g) Mata Ganjaran UNIRinggit untuk Perbelanjaan Luar Negara (Mata UNIRM untuk Perbelanjaan Luar Negara)
 - (i) Mata UNIRM untuk Perbelanjaan Luar Negara adalah sah dari 1 Januari hingga 31 Disember 2021 (termasuk kedua-dua tarikh), untuk setiap perbelanjaan bersamaan MYR 1.00 dibelanjakan dalam semua mata wang asing seperti yang dinyatakan dalam Jadual E.

Jadual E

Mata Ganjaran UNIRinggit	Mata Wang Asing
8X	<i>Singapore Dollar (SGD), Thai Baht (THB), Japanese Yen (JPY)</i>
5X	Semua mata wang asing kecuali <i>SGD, THB and JPY</i>

- (ii) Pada masa pembayaran, penyelesaian Perbelanjaan Luar Negara dalam Ringgit Malaysia (MYR) tidak akan berhak kepada 8X dan / atau 5X Mata UNIRM. Contoh (tetapi tidak terhad kepada): mata wang setempat (Ringgit Malaysia "MYR") di laman web luar negara dan DCC (Penukaran Mata Wang Dinamik) di mana MYR dipilih menjadi mata wang untuk penyelesaian. Urusniaga tersebut akan diberikan 1X UNIRIM Point untuk setiap perbelanjaan bersamaan MYR 1.00.
- (h) Mata Ganjaran UNIRinggit untuk Perbelanjaan Tempatan dalam Ringgit Malaysia ("Mata UNIRM untuk Perbelanjaan Tempatan")
 - (i) 1X Mata UNIRM akan diberikan untuk setiap MYR 1.00 yang dibelanjakan.

(D) Penebusan Air Miles Berganda Hari Jadi ("Program Hari Jadi")

- (a) Program Hari Jadi adalah sah dari 1 Januari sehingga 31 Disember 2021 (termasuk kedua-dua tarikh).
- (b) Di bawah Program Hari Jadi, Ahli Kad berhak untuk menebus *air miles* seperti yang dinyatakan dalam **Jadual F** di bawah semasa bulan hari jadi Ahli Kad. Tarikh kelahiran Ahli Kad adalah seperti dalam rekod Ahli Kad yang dikekalkan dalam sistem kad kredit UOB.

Untuk mengelakkan keraguan, bulan hari jadi merujuk kepada bulan kalendar di mana tarikh kelahiran Ahli Kad jatuh.

Senario:

Hari jadi Ahli Kad A adalah 25 Mac. Ahli Kad A layak untuk Program Hari Jadi dalam seluruh bulan kalendar Mac. Penebusan *Air Miles* Berganda boleh dibuat daripada 1 Mac hingga 31 Mac.

Jadual F

Air Miles	Penebusan UNIRM Biasa	Penebusan UNIRM dalam Program Hari Jadi
Enrich Miles (Malaysia Airlines)	8,000 UNIRM = 1,000 Enrich Miles	8,000 UNIRM = 2,000 Enrich Miles (1 unit) Setiap Ahli Kad dihadkan kepada 3 unit setiap tahun (24,000 UNIRM = 6,000 Enrich Miles).
KrisFlyer Miles (Singapore Airlines)	8,000 UNIRM = 1,000 KrisFlyer Miles	8,000 UNIRM = 2,000 KrisFlyer Miles (1 unit) Setiap Ahli Kad dihadkan kepada 3 unit setiap tahun (24,000 UNIRM = 6,000 KrisFlyer Miles).
Asia Miles (Cathay Pacific Airways, Qatar Airways, American Airlines [®] , dan sebagainya)	8,000 UNIRM = 1,000 Asia Miles	8,000 UNIRM = 2,000 Asia Miles (1 unit) Setiap Ahli Kad dihadkan kepada 3 unit setiap tahun (24,000 UNIRM = 6,000 Enrich Miles).

- (c) Ahli Kad mesti mengemukakan permintaan dalam bulan hari jadi Ahli Kad untuk Penebusan *Air Miles* Berganda. Sekiranya tarikh penyerahan Penebusan *Air Miles* Berganda tidak jatuh dalam bulan hari jadi Ahli Kad, permintaan tersebut akan diproses menurut Penebusan UNIRM biasa seperti yang dinyatakan dalam butiran (b) Jadual G dalam subklausu 1 (D)(b).
- (d) Penebusan *Air Miles* Berganda bagi setiap Ahli Kad dihadkan kepada tiga (3) unit seperti yang dinyatakan dalam Jadual F dalam Klausu 1 (D)(b). Penebusan *Air Miles* berikutnya dalam permintaan yang sama akan diproses menurut Penebusan UNIRM biasa. Contoh dinyatakan dalam **Jadual G** di bawah.

Senario:

Semasa bulan hari jadi Ahli Kad B, dia ingin menebus Enrich Miles dengan 48,000 UNIRM dalam Akaun Kad Visa Infinite UOB.

Jadual G

	Penukaran Air Miles	Jumlah UNIRM	Jumlah Enrich Miles
Penebusan Hari Jadi	8,000 UNIRM = 2,000 Enrich Miles (1 unit) Setiap Ahli Kad dihadkan kepada 3 unit setiap tahun.	24,000	6,000
Penebusan Biasa	8,000 UNIRM = 1,000 Enrich Miles	24,000	3,000
JUMLAH		48,000	9,000

- (e) Untuk mengelakkan keraguan, hanya Ahli Kad utama layak menyertai Program Hari Jadi. Ahli Kad Tambahan tidak layak untuk Program Hari Jadi.
 - (f) *Air Miles* mesti dikreditkan ke dalam akaun ahli *Air Miles* Ahli Kad sendiri. *Air Miles* tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak lain, termasuk Ahli Kad tambahan. *Air Miles* tidak mempunyai sebarang nilai wang.
 - (g) UOB akan memproses penebusan *Air Miles* mengikut butir-butir yang disediakan oleh Ahli Kad. Sekiranya Ahli Kad menyediakan nombor akaun ahli *Air Miles* atau jumlah penebusan *Air Miles* yang salah, UOB tidak akan bertanggungjawab untukembalikan UNIRM dan *Air Miles* ke dalam akaun Kad dan akaun ahli *Air Miles* mereka.
 - (h) Ahli Kad akan menghubungi syarikat penerbangan berkenaan semua perkara yang berkaitan dengan akaun *Air Miles* mereka.
 - (i) Penebusan *Air Miles* Berganda dalam Program Hari Jadi akan dibuat selaras dengan Terma dan Syarat Program Ganjaran UNIRinggit 2021.
2. Walau apapun yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini, transaksi-transaksi berikut akan dikecualikan daripada Program Ganjaran Kad Visa Infinite UOB:
- (a) Pemindahan Baki;
 - (b) Pembelian Pelan Pembayaran Mudah;
 - (c) Pelan Pembayaran Balik Ansuran 0% kadar faedah
 - (d) Pelan Flexi-Credit
 - (e) Transaksi runcit yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak sah atau palsu;
 - (f) Pengeluaran wang tunai
 - (g) Bayaran kepada Kerajaan;
 - (i) Nafkah kanak-kanak;
 - (ii) Denda oleh mahkamah, kerajaan, pihak berkuasa negeri atau pihak berkuasa tempatan;
 - (iii) Jaminan atau bayaran bon;
 - (iv) Pembayaran cukai kepada kerajaan;
 - (v) Bayaran kepada mana-mana jabatan kerajaan;
 - (h) Transaksi petrol
 - (i) Transaksi pengangkutan
 - (j) Transaksi tambah nilai
 - (k) Bil Utiliti;
 - (l) Transaksi JomPay
 - (m) Badan-badan Amal;
 - (n) Bayaran yuran tahunan keahlian kad, pembayaran faedah, fi pembayaran lewat, caj untuk pengeluaran tunai, SST dan apa-apa bentuk perkhidmatan atau pelbagai yuran menggunakan Kad Visa Infinite UOB.
3. UOB mengekalkan hak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Program Ganjaran ini secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan pemberian notis terdahulu. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Program Ganjaran ini oleh UOB tidak akan membenarkan Ahli Kad untuk melakukan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOB ke atas sebarang dan semua kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan sedemikian.

4. Ahli Kad layak untuk mengambil bahagian dalam Program Ganjaran dengan syarat Ahli Kad tidak memungkir apa-apa terma dan syarat-syarat Perjanjian Ahli Kad.
5. Tanpa menjejaskan keluasan peruntukan yang terdahulu, sekiranya Ganjaran diberikan kepada dan diterima oleh orang-orang yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan penipuan atau salah berhubung dengan penggunaan Kad dan/atau apa-apa transaksi yang dibuat menggunakan Kad mereka, UOB berhak untuk membatalkan penyertaan mana-mana orang daripada perolehan atau menggunakan Mata UNIRM atau membatalkan Servis *Airport Limo* dan Akses *Airport Lounge* orang itu.
6. **Servis *Airport Limo* dan Akses *Airport Lounge* disediakan sepenuhnya oleh pembekal-pembekal perkhidmatan pihak ketiga ("Pembekal Perkhidmatan"). UOB tidak bertanggungjawab bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, mungkir atau kerosakan Pembekal Perkhidmatan dalam perkhidmatan yang ditawarkan. UOB bukan ejen daripada pembekal perkhidmatan. Apa-apa pertikaian mengenai kualiti atau standard perkhidmatan mestilah diselesaikan secara terus dengan pembekal perkhidmatan. UOB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan, kehilangan atau kerosakan yang dialami akibat daripada penebusan atau penggunaan perkhidmatan yang disediakan oleh pembekal perkhidmatan. UOB tidak bertanggungjawab bagi:**
 - (a) sebarang kecederaan, kerugian atau kerosakan yang dialami akibat penebusan atau penggunaan perkhidmatan yang disediakan oleh Pembekal Perkhidmatan; DAN
 - (b) apa-apa kejadian yang tidak diduga seperti kelewatan, kesesakan lalu lintas yang tidak dijangka, bencana alam atau apa-apa kejadian yang akan mempengaruhi operasi perniagaan biasa daripada Pembekal Perkhidmatan.

Terma dan Syarat Umum

7. Dengan menyertai Program Ganjaran ini, Ahli Kad bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini termasuk apa-apa pindaan dan / atau perubahan kepadanya dan terma-terma dan syarat dalam Perjanjian Ahli Kad.
8. Rekod transaksi yang dikekalkan oleh UOB dan keputusan UOB dalam semua perkara yang berkaitan dengan Program Ganjaran ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas Ahli Kad. UOB tidak bertanggungjawab untuk memberi sebarang sebab atau melayan sebarang surat-menyurat dengan mana-mana orang di mana-mana perkara yang berkaitan dengan Program Ganjaran ini. Sebarang rayuan dan/atau surat-menyurat daripada Ahli Kad atau mana-mana pihak ketiga tidak akan dilayan.
9. UOB tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi penjualan oleh Visa International Incorporated, MasterCard Worldwide, pertubuhan pedagang, pihak pos atau telekomunikasi atau lain-lain pihak yang mungkin mengakibatkan Ahli Kad tidak layak menerima Ganjaran dalam Program Ganjaran ini.
10. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOB secara jelas mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, waranti atau pengendorsan, sama ada tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa terhad kepada apa-apa yang diterbitkan dalam manamana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Program Ganjaran ini.
11. UOB tidak bertanggungjawab untuk sebarang salah tafsir atau salah nyataan fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkenaan dengan Program Ganjaran yang ditawarkan dan diterbitkan dalam mana-mana bahan-bahan media, pemasaran atau pengiklanan.

12. UOB tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang liabiliti dalam apa jua bentuk yang dialami oleh Ahli Kad dan/atau pihak ketiga secara langsung atau tidak langsung daripada Program Ganjaran ini, kecuali ia disebabkan oleh kecuaiian melampau atau salah laku yang disengajakan oleh UOB.
13. Jika terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat ini dengan sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan Program Ganjaran ini, terma dan syarat ini akan digunakan.
14. UOB berhak untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah terma dan syarat Program Ganjaran ini, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagiannya dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Ahli Kad melalui paparan di laman web UOB, memaparkan notis di cawangan UOB dan/ atau dalam Penyata Akaun dan / atau apa-apa cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh UOB dari semasa ke semasa.
15. UOB berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Program Ganjaran, secara keseluruhan atau sebahagiannya, pada bila-bila masa dengan notis terlebih dahulu. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, pemberhentian, penggantungan atau pelanjutan Program Ganjaran ini oleh UOB tidak akan melayakkan Ahli Kad untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOB untuk apa jua dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Ahli Kad sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat daripada pembatalan, pemberhentian, penggantungan atau pelanjutan tersebut kecuali ia disebabkan oleh kecuaiian melampau atau salah laku yang disengajakan oleh UOB.
16. Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

-TAMAT-